

Mac 9, 2025

[www.heraldmalaysia.com](http://www.heraldmalaysia.com)

*Pesan Sri Paus Fransiskus*

# Pra-Paskah: Berjalan bersama dalam Harapan

**T**AKHTA SUCI: Tema utama pesan Sri Paus Fransiskus untuk Pra Paskah dirumus dalam frasa “Marilah kita pergi bersama-sama dengan harapan,” yang selaras dengan tema yang lebih luas pada tahun Jubli “Penziarah Harapan”. Refleksi Bapa Suci memberi tumpuan kepada pertaubatan yang diungkapkan dalam tiga dimensi utama: kepentingan perjalanan, perjalanan bersama dan perjalanan dengan harapan.

*Perjalanan iman kita ialah perjalanan menuju pertaubatan*

Mengimbah kembali kisah penghijrahan dalam kitab suci apabila umat Israel dari Mesir menuju ke tanah yang dijanjikan, Sri Paus mengingatkan kita bahawa kehidupan kita juga adalah perjalanan yang harus menghala kepada Tuhan.

Perjalanan ini bukan sekadar metafora tetapi merupakan panggilan berterusan untuk pertaubatan, “untuk meninggalkan masa-masa dosa” dan situasi yang merendahkan martabat manusia kita.

Oleh sebab itu, Bapa Suci Fransiskus menggesa umat beriman agar semasa musim Pra-Paskah ini meneliti atau merenung perjalanan kehidupan mereka sendiri: Adakah kita berjalan dengan aktif di jalan pembaharuan rohani atau ditahan oleh ketakutan, keputusasaan atau enggan keluar dari zon selesa?

Bapa Suci mengimbah kembali kisah perjalanan penuh cabaran umat Ibrani dari perhambaan menuju kebebasan lalu mengaitkannya dengan nasib pendatang dan pelarian moden masa kini.

Sri Paus mengajak kita menggunakan masa Pra-Paskah sebagai peluang untuk mempertimbangkan bagaimana kita mengaitkan kehidupan kita sendiri dengan perjuangan para pendatang yang terpaksa melarikan diri daripada “situasi kesengsaraan dan keganasan demi mencari kehidupan yang lebih baik” dan dengan membandingkan ini, kita dapat mengetahui apa yang Tuhan minta kepada kita.

Tulisnya, “ini merupakan latihan baik untuk hati nurani bagi kita. Sukar untuk memahami perjuangan penghijrahan dalam Kitab Keluaran tanpa memikirkan keadaan orang-orang, saudara dan saudari kita yang pada zaman ini, yang melarikan diri dari situasi kesengsaraan dan keganasan demi mencari kehidupan yang lebih baik untuk diri mereka sendiri dan orang yang tersayang. Panggilan pertama untuk pertaubatan itu datang dari kesedaran bahawa kita semua adalah penziarah dalam kehidupan ini.”

**Panggilan untuk Perjalanan Bersama: panggilan kepada Sinodaliti**

Pesan Pra-Paskah Sri Paus untuk tahun ini menekankan



masyarakat dan sinodaliti iaitu idea bahawa orang Kristian mesti berjalan bersama, bukannya secara berasingan.

Bapa Suci mengingatkan kita, “Roh Kudus mengingatkan kita agar tidak leka sebaliknya terus berjalan ke arah Tuhan bersama saudara-saudari kita. Perjalanan bersama bermaksud bersatu berdasarkan martabat kita yang saksama bahawa kita merupakan anak-anak Tuhan dan tidak boleh membikarkan sesiapa ditinggalkan atau dikecualikan.”

Sekali lagi, Bapa Suci mencabar umat beriman untuk memikirkan sama ada kita mampu berjalan bersama dengan orang lain dalam keluarga, di tempat kerja dan komuniti kita serta mampukah kita menentang godaan untuk mementingkan diri sendiri? Adakah kita menyambut orang lain? Adakah kita termasuk dalam golongan mereka yang merasa terabai? “Marilah kita bertanya kepada diri sendiri di hadapan Tuhan sama ada, sebagai uskup, paderi, religius dan umat awam dalam pelayanan Kerajaan Tuhan, adakah kita bekerjasama atau berjalan bersama dengan orang lain?”

“Adakah kita mengalu-alukan, menerima dengan gerak isyarat konkret, terhadap mereka yang dekat atau jauh? Adakah kita membuat orang lain berasa menjadi sebahagian daripada komuniti atau menjauhkan diri?”

**Panggilan untuk Perjalanan dengan Harapan**

Dimensi atas ketiga perjalanan Pra-Paskah ialah Harapan, yang berpegang dalam janji keselamatan Tuhan dan

Apakah yang dikatakan? “Firman itu begitu dekat denganmu, di mulutmu dan dalam hatimu (iaitu firman tentang iman yang kami isytiharkan): Jika kamu akui dengan mulutmu bahawa Yesus ialah Tuhan dan percaya dalam hatimu bahawa Tuhan telah membangkitkan-Nya daripada kematian, kamu akan diselamatkan; kerana dengan hatimu kamu beriman dan diperbenar, dan dengan mulutmu kamu mengaku lalu diselamatkan.”

Roma 10: 8-10

kehidupan kekal yang dipenuhi dalam kebangkitan Yesus, kemenangan atas dosa dan kematian. Harapan ini bukan abstrak tetapi konkrit dan nyata.

Sangti Papa menjemput kita untuk memeriksa sama ada kita benar-benar mempercayai rahmat Tuhan? Adakah kita percaya kepada pengampunan-Nya atau adakah kita jatuh ke dalam perangkap mementingkan diri sendiri?

Adakah kita secara konkret mengalami harapan yang memberi inspirasi kepada “komitmen kita terhadap keadilan dan persaudaraan, untuk menjaga rumah bersama kita sehingga tidak ada yang merasa dikecualikan”?

Dengan merujuk kepada Sta Teresa dari Avila, pesan itu menggesa umat beriman untuk terus berjaga-jaga dan sabar, memahami bahawa janji-janji Tuhan akan dipenuhi pada zamannya.

“Berikut merupakan doa Sta Teresa dari Avila: ‘Harapan, wahai jiwaku, harapan. Anda tidak tahu hari atau waktunya. Lihat dengan teliti, kerana segala-galanya berlalu dengan cepat, meskipun ketidaksabaran membuat anda ragu dengan apa yang pasti dan perjalanan yang panjang dirasakan amat singkat’.”

Bapa Suci mengakhiri pesan Pra-Paskahnya dengan mempercayakan perjalanan harapan ini dengan bermohon kepada Santa Perawan Maria, “Bonda Harapan” agar dia dapat menemani umat beriman ketika kita mempersiapkan diri untuk merayakan kegembiraan Paskah. CNA/Media Vatikan

Bberapa tahun yang lalu, seorang kawan saya membuat lamaran perkahwinan yang sangat tidak romantik kepada tunangnya.

Rakan saya berusia di pertengahan puluhan dan telah mengalami beberapa kesakitan, yang sebahagiannya disebabkan oleh kesalahannya sendiri dan perasaan yang berasal tanpa diduga di pihaknya.

Sekarang, pada pertengahan umur, dalam pergelutan agar tidak kecewa dengan cinta dan percintaan, dia bertemu dengan seorang wanita yang dikagumi serta ingin membina kehidupan dengan wanita itu.

Tetapi, dia tidak yakin dengan dirinya sendiri, dia berasa kurang yakin terhadap cadangannya sendiri.

Pada dasarnya, ini merupakan pengakuannya semasa melamar wanita itu: *Saya ingin meminta anda untuk berkahwin dengan saya tetapi saya perlu meluahkan segala-galanya terlebih dahulu.*

*Saya tidak berpura-pura tahu apa maksud cinta. Ada masa dalam hidup saya apabila saya memikirkan bahawa saya tahu apa itu cinta, tetapi saya telah melihat bahawa perasaan itu dapat beralih terlalu kerap sehingga saya hilang keyakinan bahawa saya akan dapat mencintai buat selama-lamanya.*

*Jadi, secara jujur, saya tidak dapat berjanji bahawa saya akan sentiasa mencintai anda. Tetapi saya boleh berjanji bahawa saya akan sentiasa setia, bahawa saya akan sentiasa memperlakukan anda dengan hormat, bahawa saya akan sentiasa melakukan segala-galanya dalam kuasa saya untuk berada di samping anda untuk membantu anda mencapai impian anda sendiri dan saya akan sentiasa menjadi rakan kongsi yang jujur dalam usaha membina kehidupan bersama.*

*Saya tidak dapat menjamin saya akan sentiasa mencintai anda tetapi saya boleh berjanji bahawa saya tidak akan mengkhianati anda dengan ketidaksetiaan.*

Itu bukanlah lamaran perkahwinan yang kita lihat dalam filem dan novel romantik, yang pada kebanyakannya adalah kepercayaan naif bahawa keghairahan dan keseronokan yang kita alami semasa mula-mula jatuh cinta, akan tetap kekal seperti

# Kita hanya perlu menjadi setia!



itu selama-lamanya. Pengakuan rakan saya adalah pengakuan yang matang, yang tidak menjanjikan sesuatu yang tidak dapat dipertahankan.

Jika kita dapat memahami cinta secara matang, ia dapat memberi pencerahan yang baik, bagaimana iman berfungsi.

Iman juga, pada akhirnya, adalah lebih kepada tindakan kesetiaan. Iman bukan berdasarkan semangat atau perasaan kita.

Sebagai contoh, semasa saya berada di seminar, rakan sekelas saya meluangkan masa pada musim panas untuk melakukan retret selama tiga puluh hari.

Matlamatnya adalah untuk cuba memperkuat imannya agar lebih bersemangat, bersemarak serta menguatkan lagi hatinya.

Namun, akhirnya dia masih bergelut. Dia akhirnya memahami bahawa iman yang kuat bukan berdasarkan cinta yang kuat terhadap Tuhan. Cinta itu sahaja tidak dapat membangkitkan perasaan hangat tentang kewujudan dan cinta Tuhan.

Beliau mengakui, dia tidak berasa apa-apa, tidak merasai kehangatan, semangat, emosi, dan peningkatan semangat tentang iman yang dicari semasa retret tersebut.

Dia kembali dari retret dengan perasaan yang hambar, tetapi ada perubahan: "Saya tidak pernah mendapat apa yang saya harapkan," katanya, "tetapi saya mendapat sesuatu yang lain".

"Saya belajar untuk menerima bahawa iman saya tidak berubah dan saya mendapat pengajaran bahawa perkara ini baik-baik saja. Tidak semestinya saya harus mempunyai perasaan hangat dan imaginatif tentang iman saya. Saya tidak perlu dipenuhi dengan emosi dan semangat membara."

"Saya hanya perlu setia dalam tindakan saya, tidak mengkhianati apa yang saya percaya. Bagi saya, iman ialah tindakan yang perlu saya jalani melalui amal kebijakan, rasa hormat, kesabarahan, kesucian dan kemurahan hati. Saya hanya perlu selalu melakukannya. Saya tidak perlu selalu

merasakannya."

Iman dan cinta terlalu mudah dikaitkan dengan emosi, perasaan, semangat, pengaruh dan api romantis.

Dan perasaan itu adalah sebahagian daripada misteri cinta, bahagian yang kita cenderung untuk mengasihi dan menikmati.

Namun, meskipun perasaan itu indah, pengalaman menunjukkan, ia adalah rapuh dan tidak bertahan lama.

Dunia kita boleh berubah dalam lima belas saat kerana kita boleh jatuh atau api cinta itu padam pada masa itu.

Perasaan yang ghairah dan romantis adalah sebahagian daripada cinta dan iman, tetapi bukan bahagian yang paling dalam dan tidak dapat dikawal.

Oleh itu, meskipun tidak romantik, saya suka pengakuan hambar seperti yang diluahkan oleh rakan saya tentang perkahwinan.

Kata-kata beliau, juga boleh digunakan dalam hal iman. Bagi sesetengah daripada kita, iman tidak terjadi dalam masa yang singkat. Ia juga bukan sesuatu yang menghangatkan emosi kita dan mengisi kita dengan kehangatan.

Kita tahu bahawa perasaan itu tidak bertahan lama. Seperti rakan sekerja saya yang pulang dari retret tanpa mendapat apa-apa, sesetengah daripada kita mungkin perlu bergelut dengan iman, bergelut untuk orang lain dan diri kita sendiri: Saya tidak dapat menjamin perasaan saya kekal sampai bila-bila. Saya tidak boleh berjanji bahawa saya akan sentiasa mempunyai keghairahan emosi tentang iman saya, tetapi saya boleh berjanji saya akan sentiasa setia, saya akan sentiasa bertindak dengan hormat dan saya akan sentiasa melakukan segala-galanya dalam kuasa saya, sejauh kekuatan manusia saya, untuk membantu orang lain dan Tuhan.

Cinta dan iman diterjemahkan dalam bentuk kesetiaan bukan sekadar perasaan. Kita tidak dapat menjamin bagaimana kita akan sentiasa bersemangat tetapi kita boleh hidup dalam kesungguhan firman agar tidak pernah mengkhianati apa yang kita percayai! **Hakcipta Terpelihara 1999-2025 @ Fr Ron Rolheiser**

## Kita debu yang dikasihi oleh Tuhan

Injil Lukas dalam pembacaan pada Hari Minggu pertama Pra-Paskah, menceritakan bahawa Yesus dipandu oleh Roh untuk pergi ke padang gurun, dan tinggal di sana selama 40 hari dan diuji oleh Iblis.

Di bawah panas matahari terik, menderita kelaparan, Dia menghadapi cabaran Iblis. Cubaan yang dialami oleh Yesus adalah gambaran perjuangan besar antara "baik" dan "jahat", antara Tuhan dan Iblis. Pengalaman Yesus di padang gurun membualkan persoalan dalam diri kita.

Apa pengalaman "di padang gurun" yang saya alami dalam hidup saya? Apakah pengalaman padang gurun yang masih kita alami sekarang?

Seperti Yesus sendiri, bila dan bagaimana saya memberikan masa atau momen untuk refleksi, masa untuk bersendirian untuk membuat renungan?

Bagaimanakah hidup saya di tengah-tengah padang gurun kehidupan saya sendiri? Adakah saya selalu dan tetap teguh, berani dan konsisten melawan Iblis?

Apakah yang saya cuba usahakan tanpa mengenal penat lelah untuk mengubah padang gurun hidup saya agar menjadi kehidupan yang benar-benar penuh dan damai?

Dalam Injil Lukas, kita melihat bagaimana Iblis mencuba terus menerus

mengajak Yesus meninggalkan keutuhan kemurnian hati dan kesetiaan-Nya kepada Bapa-Nya yang mengutus-Nya sebagai Penyelamat. Bila Israel, bangsa-Nya semasa di padang telah gagal bertahan setia kepada Yahwe, Tuhananya, Yesus tidak pernah meninggalkan Bapa-Nya! Yesus setia dan berpegang teguh pada ikatan-Nya dengan Bapa-Nya, sehingga Iblis-Iblis di padang gurun pun tidak mampu mengalahkan kesetiaan-Nya.

Dalam *godaan pertama* mengenai keperluan material, Yesus tegas tidak menafikan keperluan manusia untuk makan minuman untuk penyelenggaraan hidupnya. Tetapi bagi Yesus, kehidupan manusia dan keperluan-Nya mesti selalu diselaraskan kepada kehendak Tuhan.

Sesiapa yang ingin mengikuti Yesus tidak akan bergantung kepada perkara-perkara penting semata-mata. Sekiranya kita lebih bergantung pada barang-barang material dan bukan di dalam Tuhan, kita akan terus terjatuh ke dalam jerat godaan dan dosa.

*Godaan kedua* ialah berkenaan hal menghormati Syaitan lebih daripada Tuhan. Yesus sekali lagi menegaskan kepada Iblis, bahawa Tuhan menguasai dan mengatur segalanya.

Kita harus selalu ingat akan hal itu, terutama apabila godaan-godaan yang kita

hadapi menguasai kita. Juga apabila kita mengalami situasi, di mana segala sesuatu kelihatan gagal, gelap dan jahat. Padahal akhirnya Tuhanlah yang menentukan nasib kita.

Dalam *godaan ketiga*, Iblis cuba meminta bukti atau bukti Tuhan mencintai Yesus lebih daripada yang lain. Yesus menjawab, Dia tidak perlu membuktikan kepada seseorang, bahawa Tuhan mengasihi Dia.

Semua godaan cuba mempengaruhi kita untuk berfikiran tidak penting, buruk, kecil dan tidak bernilai! Roh jahat menggunakan semua jenis cara.

Godaan kejahatan tidak akan berhenti. Yesus sendiri sejak awal menghadapi kejahatan dari awal. Seperti yang dinyatakan dalam Injil Lukas, Yesus selalu berjuang melawan kejahatan dengan menggunakan kitab suci, sama ada dalam kegelapan, kekeliruan, keraguan lebih-lebih lagi dalam percubaan.

Kita mestilah belajar daripada Yesus, bahawa Tuhan sentiasa hadir dan menguatkan kita di tengah-tengah godaan, walaupun dalam dosa kita!

Walau apa pun dan keadaan kita, kita mestilah menyediakan ruang dan waktu rohani dalam kehidupan kita, di mana kita dapat melaikan diri daripada atmosfera dan iklim palsu di sekeliling kita, agar kita

## HARI MINGGU PRA-PASKAH 1 (TAHUN C)

ULANGAN 26:4-10

ROMA 10:8-13

INJIL LUKAS 4:1-13

dapat menghirup udara yang sihat lagi.

Ini adalah pelajaran yang kita dapat dari padang gurun. Kita benar-benar memerlukan pelajaran, sama ada di tengah-tengah kehidupan dan kerja yang sibuk, serta ketika berdoa dan damai untuk mendengar kata-kata Tuhan.

Kita dapat bertemu dengan Tuhan di tengah-tengah padang dosa, ketakutan dan kehilangan harapan. Dan di tengah-tengah padang gurun itu, kita akan mendengar kehendak kasih-Nya kepada kita, selagi kita selalu membuka hati kita kepada-Nya.

Laluan yang tidak dapat dielakkan di padang gurun, yang harus ditempuh oleh Yesus, jalan yang sama juga ada di hati kita, dan harus dihadapi oleh semua orang yang ingin mengikuti Dia. Sebagai manusia Yesus juga dari debu dan kembali menjadi debu. Sesungguhnya kita juga debu seperti Yesus, tetapi berharga di hadapan Tuhan. **Msgr F.X Hadisumarta O.Carm**

# Program *Back To School*, salah satu tanda Gereja prihatin kepada semua

Esther Ping Gau

KULAI: Seramai 70 kanak-kanak Sekolah Rendah dan Menengah dari kawasan Senai, Saleng, Kulai dan Kelapa Sawit telah menerima bantuan menerusi program 'Back To School' anjuran Pejabat Pembangunan Manusia Paroki Christ The King (POHD CTK), Kulai dengan kerjasama Caritas Keuskupan Melaka Johor (MJD) sebagai penyumbang utama pada Februari 8 lalu.

Peruntukan bernilai RM100 untuk seorang murid berupa kelengkapan persekolahan seperti baju dan kasut sekolah, beg sekolah, alat tulis serta buku-buku.

Majlis penyerahan sumbangan tersebut disampaikan oleh pembantu paderi paroki CTK, Fr Matthews Joe Marianathan, bagi pihak paderi paroki, Fr James Rajendran dan juga Pengarah Caritas MJD, En Andrew Leo.



Turut hadir pada hari tersebut adalah ahli-ahli POHD CTK Kulai dan ibu bapa.

Tujuan mengadakan program ini adalah untuk membantu ibu bapa yang kurang berkemampuan menyediakan kelengkapan sekolah anak pada awal sesi persekolahan.

Dalam ucapannya, Fr Matthews Joe mengatakan bahawa Gereja sangat mengambil berat golongan yang tidak berkemampuan.

Beliau menambah agar jan-

gan segan ataupun malu untuk meminta bantuan apabila dalam kesusahan. Gereja sentiasa bersedia untuk menghulurkan bantuan tanpa mengira kaum, bangsa maupun agama.

Dalam ucapannya, Pengarah Caritas Keuskupan MJD, En Andrew Leo telah menerangkan serba sedikit tentang pertubuhan Caritas dan objektifnya.

Beliau berharap agar menerusi program ini dapat memberi cinta Yesus kepada semua orang tanpa

mengira kaum dan agama.

Andrew juga mengucapkan terima kasih kepada POHD CTK, Kulai kerana telah menjayakan program 'Back to School'.

Pada hari tersebut juga, ceramah yang bertajuk "Ekologi" telah disampaikan oleh En Jun Sen Subramaniam, ahli POHD.

Dalam ceramahnya, beliau menekankan betapa penting disiplin diri dalam penjimatkan penggunaan sumber seperti air dan letrik dalam kegiatan harian.

Beliau juga menasihati agar menggunakan botol air yang boleh diulang pakai apabila mengisi air minuman bila keluar rumah. Ini dapat mengelakkan penggunaan botol plastik air mineral.

Program 'Back to School' pada hari itu dimeriahkan lagi dengan acara cabutan bertuah. Pada program tersebut En Xavier Sinathamby sudi menderma voucher Aeon yang bernilai RM20 kepada kanak-kanak sekolah rendah.

POHD CTK, Kulai yang diwakili Sdri Shirly A.Savariappan bagi pihak paderi paroki CTK, mengucapkan jutaan terima kasih kepada penyumbang iaitu Caritas MJD dan En Xavier Sinathamby yang telah menderma voucher Aeon.

Inisiatif ini diharap dapat menolong meringankan beban ibu bapa yang tidak berkemampuan dan menunjukkan tahap keprihatinan Gereja kepada masyarakat sekitar.

## Meraikan ulang tahun ke-800 Kidung Segenap Ciptaan



PAPAR: Pada Februari 24 lalu, seramai 68 peserta telah menghadiri ceramah 'The Canticle of the Creature' Semarak Kesedaran Ekologi yang berlangsung di Pusat Retret Pace Bene.

Program ini dimulakan dengan Misa pembukaan yang dipimpin oleh Fr Lasius Gantis.

Ceramah ini diadakan ber-

sempena ulang tahun ke-800 *Canticle of the Creature* (Kidung Segenap Ciptaan), sebuah puisi terkenal oleh Santo Francisus dari Assisi yang ditulis pada tahun 1225.

Acara ini bertujuan untuk menekankan kesedaran akan nilai-nilai murni ekologi dalam usaha membentuk gaya hidup baharu

berlandaskan pendidikan, kerohanian, dan pertobatan.

Sr Calista FSIC, salah seorang penceramah utama, menegaskan bahawa manusia mempunyai tanggungjawab besar dalam menjaga keseimbangan alam sekitar sebagai tanda syukur kepada Tuhan Sang Pencipta. Eveline Justine



## Sabda Pengharapan dan Pintu Rahsia, tarikan di Pusat Ziarah Keluarga Kudus, Keningau

KENINGAU: Pusat Ziarah Keluarga Kudus, Nulu Sosopon (PZKKNS) merupakan salah satu tempat yang terpilih sebagai pusat ziarah di Keuskupan Keningau sepanjang Tahun Jubli 2025.

Berikut adalah apa yang bakal dilalui oleh para penziaroh apabila memilih PZKKNS sebagai tempat ziarah pada Tahun Harapan ini:

### 1. Pendaftaran dan taklimat

Penziaroh akan membuat pendaftaran di Dewan Kalansanan. Di sini, penziaroh akan diberi taklimat singkat mengenai perjalanan ziarah di PZKKNS serta katekesis mengenai Tahun Jubli 2025.

### 2. Sabda Pengharapan

Selesai sesi taklimat, penziaroh diminta untuk mengambil Sabda Pengharapan. Sabda Pengharapan adalah Firman Tuhan yang ditulis di atas kad manila yang terdapat

dalam pelbagai bentuk.

Sabda Pengharapan ini perlu digantung di ranting Pohon Pengharapan yang telah disediakan.

### 3. Pintu Rahsia

Penziaroh akan melalui sebuah ruangan gelap yang penuh dengan halangan sebagai simbolik tentang kehidupan manusia. Ia juga menggambarkan pentingnya kita bertemu dalam mengharungi kehidupan ketika masih sebagai penziaroh di dunia ini.

### 4. Doa dan Sakramen Pengakuan

Selesai sahaja aktiviti di ruangan gelap, penziaroh boleh memilih untuk berdoa di tempat-tempat yang telah disediakan seperti Menara Salib, di hadapan patung Bonda Maria, Keluarga Kudus dan Msgr August Watcher.

Sebuah almari mini juga dise-

diakan untuk penziaroh meletakkan permohonan-permohonan doa mereka.

Sakramen Pengakuan juga diberikan kepada mereka yang memerlukan.

### 5. Misa Kudus

Ziarah akan ditutup dengan Misa Kudus. Selesai ziarah di PZKKNS, penziaroh juga boleh melakukan ziarah di dua pusat ziarah yang terdekat iaitu Pusat Retret Keuskupan Keningau, Tatal dan Katedral St Francis Xavier, Keningau.

Untuk sebarang tempahan bagi melakukan ziarah ataupun pertanyaan lanjut mengenai Ziarah di Pusat Ziarah Keluarga Kudus, Nulu Sosopon, anda bolehlah menghubungi Pn Mathilda Nain: 013-870 8773 dan Sdra Patrick Marius: 016-561 0167. Juanis Marcus



LAHAD DATU: Biarpun hanya dua jam, namun iman para pembimbing paroki dan stasi luar telah disegarkan melalui Rekoleksi Para Pembimbing di paroki St Dominic, baru-baru ini.

Diakon Ricki Boy Hasim menyampaikan tiga katekesis iaitu "Bina Gereja Ku", penjelasan tentang rekoleksi para pembimbing bagi tahun 2025 yang diamalkan dari ayat Injil Yohanes 13 dan sesi ketiga bertajuk "Surat Guru Kepada Guru".

Semasa sesi ketiga, Diakon Ricki meminta para pembimbing untuk menulis surat khas untuk Yesus dari pandangan seorang pembimbing.

Pada penghujung rekoleksi ini, Sdra Sebastian selaku Penyelaras Katekatikal Paroki St Dominic menjelaskan garis panduan setiap kelas di paroki adalah sama dengan paroki lain di Keuskupan Sandakan.

## Bina Gereja-Ku

Beliau turut menerangkan garis panduan tersebut agar dapat difahami oleh setiap pembimbing paroki dan stasi luar.

Rekoleksi Para Pembimbing itu diakhiri dengan sesi bergambar dan menyiapkan diri untuk mengikuti Misa Kudus pengutusan para pembimbing yang dipimpin oleh Fr Stanley William Matakim.

Jamuan makan malam diadakan selepas Misa Kudus. Ini julung kalinya Komiti Katekatikal St. Dominic mengadakan jamuan makan yang bertujuan untuk mengenali dengan lebih erat lagi para pembimbing.

Penyelaras Komiti Katekatikal St Dominic, Sdra Sebastian J. Francis, mengucapkan ribuan terima kasih kepada kehadiran semua pembimbing kateketikal. Jamuan diakhiri dengan doa penutup oleh Fr Stanely. **Diakon Ricki Boy**

# Sahabat Kecil Yesus

Hello adik-adik,

Apa khabar? Hari Minggu ini merupakan Hari Minggu pertama Pra-Paskah.

Musim Pra-Paskah ialah persiapan menyambut Kebangkitan Yesus selama 40 hari bermula pada Hari Rabu Abu.

Pertaubatan, berpantang, berpuasa dan beramal merupakan beberapa amalan yang kita utamakan sepanjang musim Pra-Paskah.

Dalam pembacaan Injil pada hari ini, Yesus telah mengalahkan Iblis di padang gurun. Bagaimana?

Dengan menggunakan firman Tuhan!

Oleh sebab itu, pada musim Pra-Paskah ini, marilah kita tekun membaca Kitab Suci dan berdoa. Amen.

Salam Sayang  
Antie Melly

## Mari Mewarna



**"Jika ..... Anak  
....., suruhlah ..... ini  
menjadi ....." Jawab  
Yesus kepadanya: "Ada  
..... : Manusia .....  
bukan dari roti saja."**

(Lukas 4:3)

hidup Tuhan batu  
Engkau tertulis roti

Isi tempat  
kosong  
dengan  
jawaban  
yang  
sesuai.

Percubaan di padang gurun  
(Lukas 4: 1.13)

Cari LAPAN perbezaan pada gambar di bawah.



# BELIA

## Pengalaman sebagai penziarah harapan di Perhimpunan Belia OLL

**K**LANG: "Pilgrims of Hope" atau "Para Penziarah Harapan" merupakan tema Perhimpunan Belia Gereja Our Lady of Lourdes (OLL) pada Februari 7-9 lalu yang menghimpunkan kaum muda Katolik dari pelbagai paroki.

Perhimpunan ini bertujuan untuk memberikan bimbingan mengenai iman, ketahanan dan harapan dalam arus kemodenan masa kini.

Pada tahun ini, acara ini diadakan dengan kerjasama Pejabat Single Adult dan Belia Keuskupan Agung Kuala Lumpur (ASAYO).

Dua orang penceramah telah dijemput ke perhimpunan ini iaitu Fr Desmond Jansen dan Fr Stanley Antoni dari Keuskupan Pulau Pinang.

Mereka menyampaikan pelbagai aspek mengenai iman dan ketabahan. Sesi mereka disusun dengan menarik dan mudah difahami oleh para peserta.

Beberapa sesi permainan turut diselitkan untuk menceriakan suasana. Sesi ini memberikan panduan dalam menghadapi cabaran rohani dan mengukuhkan komitmen iman.

Sepanjang program, para peserta begitu bersemangat menyertai sesi puji dan penyembahan, permainan, lakonan, serta renungan dalam kumpulan.

Aktiviti membina kerjasama pasukan seperti permainan 'icebreaker' dan cabaran interaktif yang dikendalikan oleh pasukan ASAYO menggalakkan kerjasama serta interaksi antara peserta.

Aktiviti ini bukan sahaja menghiburkan tetapi juga bertujuan memupuk semangat kerja berpasukan, kreativiti dan refleksi diri. Peserta turut terlibat dalam sesi refleksi dan perbincangan interaktif yang menggalakkan dialog serta pertumbuhan rohani peribadi.

Lakonan yang dipersembahkan oleh para belia bukan sahaja mencuit hati tetapi juga menggambarkan cabaran serta kemenangan dalam iman, menjadikannya lebih relevan dan bermakna.

Sesi Dialog Keagamaan telah dikendalikan oleh Sr Mary Antoinette dari Little Sisters of the Poor, memberi kefahaman jelas kepada para peserta tentang kehidupan religius serta peranan khidmat dalam komuniti beriman.

Para peserta berpeluang mengemukakan soalan dan membincangkan kepentingan panggilan hidup bakti dalam dunia moden. Sr Mary Antoinette turut berkongsi perjalanan hidupnya, memberikan perspektif berharga tentang pengorbanan dan ganjaran dalam mendedikasikan hidup bakti.

Sesi ini memberi inspirasi kepada para belia untuk merenungkan panggilan mereka sendiri dan bagaimana mereka

boleh menyumbang kepada komuniti seiman mereka.

Peserta juga diberi peluang untuk membeli kemeja-T yang direka khas oleh para belia mencerminkan tema dan logo "Pilgrims of Hope" serta warna-warna cerah yang melambangkan iman dan perpaduan. Pemakaian kemeja-T ini mewujudkan rasa kebersamaan dalam kalangan peserta dan menjadi kenangan bermakna tentang mesej utama perhimpunan ini. Pada hari terakhir, berkumpul untuk sesi Adorasi yang dipimpin oleh Fr Desmond Jansen. Ini diikuti Novena dan Misa senja bersama paderi paroki OLL, Fr Gregory Chan, serta pembantunya, Fr Gnaneselvam Berentis bersama Fr Desmond Jansen.

Perayaan Ekaristi ini menjadi penutup sempurna para peserta yang bersyukur dan gembira kerana semangat yang diperbaharui.

Apabila acara ini berakhir, ramai peserta meluahkan rasa syukur atas pengalaman yang diperoleh, menekankan hubungan persahabatan yang terjalin, ilmu yang dipelajari, serta inspirasi yang diterima. Perancangan untuk perhimpunan belia pada masa hadapan juga sudah mula dibincangkan.

Perhimpunan Belia OLL 2025 memberi kekuatan kepada para belia Katolik untuk menghayati iman mereka dengan berani dan meneruskan perjalanan sebagai Penziarah Harapan yang sejati. **Alyscandra**



## PYA TURUN PADANG LAWAT KAUM BELIA DI STASI LUAR



**KUNAK:** Pada Februari 9 yang lalu, belia dari *Chapel of Divine Mercy*, Sapang telah menerima lawatan daripada beberapa ahli Kerasulan Belia Paroki St Dominic Lahad Datu.

Lawatan ini bertujuan untuk mengeratkan hubungan persahabatan sesama belia.

*Chapel of Divine Mercy* di Jalan Semporna – Kunak dan mengambil masa lebih kurang sejam setengah perjalanan dari bandar Lahad Datu.

Gereja kecil itu adalah salah sebuah *chapel* di bawah jagaan paroki St Dominic, Lahad Datu.

Ketibaan para belia dari St Dominic pada pukul 9.30 pagi disambut dengan lebih 30 belia dari *Chapel of Divine Mercy*.

Kadatangan para belia dari paroki disambut dengan beberapa aktiviti menarik seperti permainan, pujian dan penyembahan.

Semua aktiviti yang dirancang



dalam lawatan itu adalah berdasarkan tema "Mereka yang berharap kepada Tuhan akan berlari dan tidak lesu (Yes 40:31)".

Syukur dan puji Tuhan, lawatan kali pertama ke *Chapel of Divine*

*Mercy* telah berjalan dengan baik sekali gus memberi semangat kepada para belia yang terpilih menerajui Komiti Belia yang dibentuk pada Februari 1 yang lalu. **Justina Apolinaris**

# Seluruh dunia mendoakan kesihatan Sri Paus Fransiskus

**ROMA:** Hujan gerimis akhirnya reda apabila beratus-ratus orang menuju ke Dataran Santo Petrus untuk berdoa rosari bagi Bapa Suci Fransiskus yang dirawat di Hospital Gemelli untuk hari yang ke-11 akibat komplikasi radang paru-paru.

Kerikil hitam basah bersinar dari Cahaya terang yang menerangi air pancut dan hadapan Dataran Sto Petrus, di mana Sri Paus Fransiskus biasanya duduk untuk Audiensi Umum setiap hari Rabu. Imej *Mater Ecclesiae* — Maria, ikon gergasi Bonda Kristus, dihiasi dengan tumbuhan hijau, bunga putih dan merah jambu.

Sekitar 27 kardinal yang tinggal di Roma dan puluhan anggota Kuria Romawi, duduk di sebelah patung ketika Kardinal Pietro Parolin, Setiausaha Negara Vatikan, berlutut di depan patung itu, mengetuai doa rosari pada Februari 24 pukul 9.00 malam.

Kardinal Pietro pertama-tama berucap kepada umat yang berkumpul, "Selama 2,000 tahun orang Kristian telah berdoa untuk Sri Paus ketika dalam bahaya atau sakit.

"Sejak Bapa Suci Fransiskus dirawat di Hospital Gemelli, doa bertalu-talu telah diangkat kepada Tuhan oleh umat Katolik dan komuniti agama lain di seluruh dunia. Bermula malam ini, kita juga menyertai doa ini secara terbuka dengan berdoa rosari suci."

Dengan mempercayakan Sri Paus yang berusia 88 tahun itu kepada perlindungan Perawan Maria, "Semoga Bonda kita yang penuh perhatian, menyokong Sri Paus Fransiskus yang sedang sakit dan dalam percubaan ini, membantu mengembalikan kesihatannya dengan segera."

Di antara pemimpin Katolik yang hadir ialah Kardinal Lazarus You Heung-sik dari Korea, ketua Dikasteri Klerus Vatikan. Sebelum acara itu, Kardinal Lazarus memberitahu pemberita bahawa momen doa itu penting bagi mendoakan Sri Paus dan mereka yang sakit.

"Sri Paus adalah milik kita," katanya, sambil menambah di Korea, para klerus dan umat beriman turut berdoa dengan kita," ujar Fr Lazarus.



Fr Antonio Tunecas, seorang paderi dari Angola yang belajar di Roma, menyatakan bahawa doa adalah cara menjadi keluarga Gereja sejagat, bersatu dengan Sri Paus Fransiskus, bersatu dalam doa, meminta Tuhan, dalam kebaikannya, memberikan kesihatan yang baik kepada Bapa Suci Fransiskus.

Brother Gregory Metz dan Brother John Frain, ahli Legio Christ dari Atlanta, Georgia, yang belajar di Roma juga

menghadiri acara tersebut. Brother Metz menyatakan bahawa acara berdoa bersama untuk Bapa Suci itu adalah momen untuk menunjukkan kedekatan mereka kepada Sangat Papa.

"Sri Paus Fransiskus memainkan peranan penting dalam pertumbuhan dan pembentukan kami, dia benar-benar membuka hati semua orang, dialog dan menerima idea baharu dengan sikap yang rendah hati," kata Brother Metz. CNS

## Bapa Suci sampaikan salam kepada Gaza dari hospital

**JALUR GAZA:** Fr Gabriel Romanelli (gambar) paderi paroki Keluarga Suci, satu-satunya paroki Katolik di Jalur Gaza dapat bercakap dengan Sri Paus Fransiskus pada Februari 25 lalu ketika prelatus itu sedang menerima rawatan intensif di hospital.

Selepas panggilan telefon tersebut, paderi paroki itu berkongsi bagaimana seluruh komuniti Katolik di paroki itu gembira "mendengar suaranya."

"Seperti yang dilakukannya setiap hari dari awal perang hingga kini, Sri Paus Fransiskus telah memanggil kita sekali lagi untuk menunjukkan kedekatannya, berdoa untuk kita dan memberi kita berkatnya," kata Fr Gabriel dalam video yang disiarkan di laman web patriarkat Latin Yerusalem.

"Sebagai paroki yang dimiliki oleh patriarkat Latin Yerusalem, kami bergembira mendengar suaranya," katanya. Pada



permulaan perang antara Hamas dan Israel, kompleks paroki telah berubah menjadi tempat perlindungan seramai 500 orang yang masih hidup sehingga kini.

Majoriti yang tinggal di sana adalah orang Kristian, Ortodoks, Protestan dan Katolik, namun mereka turut mengambil lebih 50 kanak-kanak Muslim kurang upaya dan keluarga mereka.

Bagi Fr Gabriel, setiap hari Bapa Suci menyeru dan mendoakan buat Gaza namun terhenti pada pagi Feb 15 kerana gangguan kesihatan. Meskipun kesihatannya masih belum sembah, Bapa Suci tetap mengingati dan berdoa untuk semua orang, untuk keamanan di Gaza."

Fr Gabriel mengucapkan terima kasih kepada Bapa Suci kerana "doa berterusannya meskipun sedang menerima rawatan di hospital." CNS

## Bapa Suci tubuhkan komisi baharu mempromosi sumbangan misi karya amal

**VATIKAN:** Dengan kirograf yang ditandatangani pada Februari 11, 2025, Sri Paus Fransiskus telah menubuhkan *Commissio de Donationibus Pro Sancta Sede*, sebuah komisi baharu yang didedikasikan untuk mempromosikan sumbangan.

Tugas utamanya adalah untuk menjalankan kempen mengumpul dana dalam kalangan umat beriman, uskup, dan sumber lain yang berpotensi, yang menonjolkan kepentingan sokongan kewangan untuk misi dan kerja amal Takhta Suci.

Komisi ini juga akan mendapatkan pembiayaan daripada penderma yang bersedia untuk projek-projek tertentu yang dicadangkan oleh institusi Kuria Romawi dan Gabenor Kota Vatikan.

Pada masa yang sama, ia akan menghormati kemerdekaan dan tanggungjawab setiap entiti kuria mengikut peraturan yang ada.

### Diketuai oleh Penilai

Komisi ini terdiri daripada lima ahli (maksimum enam). Ia dipengerusikan oleh Msgr Roberto Campisi, penilai untuk hal ehwal umum Sekretariat Negara. Ahli-ahli lain termasuk Uskup Agung Flavio Pace, Setiausaha Dikasteri untuk mempromosikan perpaduan Kristian; Sr Alessandra Smerilli, Setiausaha Dikasteri untuk mempromosikan pembangunan manusia; Sr Silvana Piro, Setiausaha Pentadbiran Warisan Apostolik Samudera; dan peguam Giuseppe Puglisi-Alibrandi, Timbalan Setiausaha Agung Gabenor Kota Vatikan.

### Menyelaras usaha pengumpulan dana

Sebagai sebahagian daripada kerjanya, Komisi bertindak sebagai badan penyelaras untuk inisiatif pengumpulan dana yang lain, sama ada formal dan tidak formal, seperti sumbangan yang dibuat di bawah Kanon 1271 dan Peter Pence. CNS

## Keuskupan Agung Seoul mulakan projek bantu kos perubatan kanak-kanak migran

**SEOUL:** Projek untuk sokongan kos perubatan bagi pertumbuhan dan perkembangan kanak-kanak migran sihat yang tidak berdokumen ditandatangani pada mesyuarat Komisi Pastoral Migran Konferensi para Uskup Korea (CBCK) pada Februari 20.

Projek ini juga dikenali sebagai "Wings of Hope" yang bertujuan membina rangkaian sokongan nasional untuk memberikan sokongan perubatan kepada kanak-kanak pekerja migran yang tidak didokumentasikan, berumur 0-6 tahun.

Melalui projek ini, seorang kanak-kanak akan menerima sehingga lima juta won (3,492 dolar AS) untuk rawatan perubatan kritis dan sehingga tiga juta won (2,095 dolar AS) diperuntukkan untuk kos kehamilan dan melahirkan anak di hospital.

Projek ini bermula pada bulan Februari

hingga Disember tahun ini, dan boleh dilanjutkan sehingga 2027. Keluarga migran boleh mengemukakan permintaan untuk bantuan melalui Komisi Pastoral Migran untuk setiap Keuskupan dan menerima faedah mereka selepas permohonan diterima dan diluluskan.

Fr John Baptist Yoo Sang-Hyeok, Pengerusi Jawatankuasa Migran Pastoral Keuskupan Agung Seoul mengatakan bahawa projek itu bertujuan untuk memenuhi keperluan perubatan kanak-kanak migran.

"Kanak-kanak pendatang tidak berdokumen sering tidak terlindung daripada keganasan, jenayah sosial dan fizikal serta tidak ada peluang pendidikan. Mereka juga tidak menerima eluan kesihatan yang sesuai."

Projek ini bertujuan untuk melindungi kehidupan kanak-kanak ini secara keseluruhan,



dan salah satu karya belas kasihan Gereja yang memperjuangkan kehidupan," kata Fr John Baptist.

Usaha Gereja telah dijalankan kira-kira dua minggu selepas sekumpulan anggota parlimen Korea Selatan mencadangkan draf undang-undang (Rang Undang-undang/RUU) yang memerlukan institusi perubatan untuk mendaftarkan bayi yang dilahirkan oleh warga asing yang tidak mempunyai do-

kumen dalam usaha untuk melindungi hak kanak-kanak.

Penyokong RUU ini mengatakan bahawa RUU ini bertujuan untuk menghentikan pengabaian hak kanak-kanak migran dan memberi mereka akses kepada program kebajikan termasuk pendidikan dan kesihatan, dan menghapuskan risiko kanak-kanak yang terjejas oleh pengambilan anak angkat haram atau pemerdagangan orang. [ucanews.com](http://ucanews.com)

AUDIENSI UMUM HARI RABU BERSAMA SRI PAUS FRANSISKUS

# Simeon, Hana, teladan penziarah harapan

VATIKAN: Walaupun Audiensi Umum Hari Rabu dibatalkan kerana masalah kesihatan, Sri Paus Fransiskus terus menulis katekesis dari bilik hospitalnya.

Meneruskan siri katekesisnya bertema, "Yesus Harapan kita", Bapa Suci menyampaikan renungan tentang misteri Yesus dipersembahkan di Bait Tuhan selepas empat puluh hari kelahiran-Nya.

Persembahan itu menunjukkan ketaatan Maria dan Yosef terhadap undang-undang Yahudi, dan menunjukkan kepada mereka bukan sahaja "mengintegrasikan" Yesus ke dalam keluarga, rakyat dan perjanjian, tetapi juga menjaga pertumbuhan Yesus dan misteri pertemuan Yesus dengan dua figura 'besar': Simeon dan Hana.

## Saksi iman, harapan, dan cinta

Simeon, yang merindui atau menunggu sekian lama Tuhan memenuhi janji-Nya, mendapat ilham Roh Kudus untuk mengambil Yesus ke dalam pangkuan-Nya.

Simeon amat terhibur atau bersukacita melihat Juruselamat Israel. Dia menyatakan perasaannya "dalam kidung pujian" yang penuh dengan rasa terima kasih yang tulus. Kidung Simeon ini telah menjadi doa senja dalam Gereja – "Nunc Dimittis" yang berbunyi, "Sekarang, Tuhan, perkenankanlah hamba-Mu berpulang..."

Menurut Bapa Suci, Simeon adalah "saksi iman yang menerima hadiah dan membahagikan atau menyampaikan hadiah itu kepada orang lain; ... saksi harapan



yang tidak mengecewakan; ... saksi cinta Tuhan, yang mengisi hati manusia dengan kegembiraan dan kedamaian."

## Harapan semula di hati kita

Di samping Simeon, Hana seorang bala yang sangat berdedikasi dalam pelayanan dan doa, juga melihat keselamatan pada anak Yesus.

Semasa melihat bayi Yesus, "Hana meraikan Tuhan Israel, yang telah menebus umatnya melalui Anak itu, dan Hana memberitahu orang lain tentang Dia, dengan murah hati menyebarkan Firman Nabi".

Bapa Suci Fransiskus menulis lagi bahawa, "Kidung Penebusan daripada

dua orang Penatua itu memancarkan pewartaan Jubli untuk semua umat dan dunia. Harapan dihidupkan semula di hati di Bait Yerusalem kerana Kristus harapan kita telah masukinya."

## Penziarah Harapan

Bapa Suci merumuskan refleksinya dengan mengundang umat beriman untuk meniru Simeon dan Hana, dua figura hebat sebagai "Penziarah Harapan", yang dapat melihat di luar penampilan.

"Kedua-dua nabi itu tahu bagaimana untuk mengalu-alukan kunjungan Tuhan dengan kegembiraan dan menghidupkan harapan di hati saudara-saudari yang ditemui mereka." **Media Vatikan**

## 1. Kurangi scroll gajet

Telefon bimbit biasanya melekakan dan sukar meninggalkan tabiat ini. Oleh sebab itu, mengurangi waktu melihat telefon bimbit merupakan pengorbanan yang hebat. Pra-Paskah adalah masa yang tepat untuk berpuasa dari skrin, sama ada anda melepaskan TV sebelum tidur, tidak melayari Facebook, Instagram dan sebagainya secara rawak pada siang hari atau media sosial sehingga Paskah!

## 2. Berhenti mengeluh

Kehidupan sering sukar, mengecewakan dan tertekan. Ia menggoda kita untuk memberi tumpuan hanya pada bahagian negatif setiap hari. Ubah tabiat ini dengan mencari sesuatu untuk bersyukur. Berhenti mengeluh dan ucaplah kesyukuran. Jika tidak tahu bagaimana, bacalah Mazmur.

## 3. Langku mandi air panas

I ni adalah pengorbanan yang mudah, tetapi yang sangat sukar, terutama pada musim tengkujuh. Tetapi ia adalah cara kecil yang kuat untuk mengamalkan pen-

## 10 idea untuk dilakukan sepanjang Pra-Paskah

yangkal diri dalam kehidupan sehari-hari.

### 4. Membeli-belah

Rasanya sangat menyeronokkan untuk membeli barang-barang baharu, sama ada secara fizikal mahupun dalam talian. Pra-Paskah ini, tahanlah keinginan itu. Cuma perlu beli apa yang sangat diperlukan dan lebih baik bersedekah.

### 5. Kudapan antara waktu makan

Memakan makanan ringan selepas sarapan atau sebelum makan tengah hari, susah untuk ditinggalkan. Meninggalkan kudapan adalah pengorbanan yang sangat baik pada musim Pra-Paskah ini.

### 6. Mendengar muzik atau radio

Di dunia hari ini, kebanyakan kita tidak selesa dengan kesunyian. Gunakan masa Pra-Paskah ini untuk "suara Tuhan" dalam

hati kita. Pertimbangkan untuk berhenti mendengar muzik dan rancangan radio kegemaran anda, dan menghabiskan masa itu dalam doa.

### 7. Sikap suka jalan pintas

Pilih sesuatu yang sering anda ambil "jalan mudah keluar". Contohnya, letakkan kereta anda jauh sedikit dari pejabat atau rumah, terus mencuci pinggan manguk selepas makan, kemaskan katil selepas bangun tidur ... sepanjang Pra-Paskah ini.

### 8. Makan di luar

Memang mudah makan di luar, tidak perlu bersusah payah memasak. Pra-Paskah mengajar kita untuk bersabar dan berjimat. Kurangi makan di luar untuk memupuk kesabaran kita.

### 9. Kain Ungu

Iktulah tradisi Gereja yang menutup gambar-gambar dan ikon dengan kain ungu. Lakukan juga perkara yang sama di rumah. Ini dapat mengingatkan kita bagaimana tandusnya dunia tanpa keindahan dan cahaya Kristus.

### 10. Naiki tangga

Elakkan menggunakan lif sepanjang Pra-Paskah. Tetapi jika anda, bekerja atau tinggal di tingkat 50, mungkin anda boleh berhenti di tingkat 40 untuk menaiki tangga dan berdoa untuk dunia! **Aleteia**



PENULIS JEMPUTAN BERKICAU

## Kebajikan Kristian

**A** adalah kebajikan Kristian untuk mendoakan seorang yang sedang sakit atau menderita.

Meskipun dalam rawatan perubatan, Sri Paus Fransiskus tidak berhenti untuk prihatin terhadap isu-isu global yang mempengaruhi kita, memeluk dan menanggung penderitaan kemanusiaan sebagai miliknya sendiri.

Dia telah berhadapan, menangani dan mempromosikan isu-isu konkrit ini, memupuk semangat pastoral yang memberi manfaat kepada kemanusiaan, bahkan ketika menghadapi kritikan dari pada pemimpin dunia dan beberapa pemimpin Gereja.

Skandal penderaan seksual merosakkan imej Gereja. Sri Paus Fransiskus memanggil ini "Scourge atau wabak yang dahsyat di Gereja." Prelatus itu memberi tumpuan kepada menangani penyalahgunaan kanak-kanak di bawah umur.

Bapa Suci menyatakan dengan jelas, "Kegagalan untuk bertindak dengan baik untuk menghentikan kejahatan ini dan membantu mangsa-mangsa untuk pulih daripada trauma mereka" (*Bapa Suci Fransiskus, ucapan kepada Komisi Kepausan untuk Perlindungan Kanak-Kanak, 2023*).

Kita juga harus menghargai usaha Sri Paus Fransiskus yang secara konsisten menunjukkan komitmen mendalam kepada penjagaan pendatang atau migran.

Para pendatang ini merupakan mereka yang melarikan diri daripada konflik di negara asal. Bapa Suci menekankan martabat mereka, menyatakan, "pendatang tidak dilihat sebagai berhak seperti orang lain untuk mengambil bahagian dalam kehidupan masyarakat, dan dilupakan bahawa mereka memiliki martabat intrinsik yang sama seperti mana-mana orang" (*Fratelli Tutti, 39*).

Walaupun ramai yang berat sebelah tentang pendatang, Bapa Suci setia memperjuangkan mereka. Beliau baru-baru ini mengutuk pengusiran besar-besaran golongan pendatang tanpa izin di Amerika Syarikat, yang turut digemakan oleh para Uskup Amerika Syarikat.

Prelatus itu menggesa, "Saya menasihati semua umat beriman Katolik, dan semua lelaki dan wanita yang baik, agar tidak mendiskriminasi dan menyebabkan penderitaan kepada saudara-saudari migran dan pelarian kita.

Dengan amal dan keikhlasan, kita dipanggil untuk hidup dalam perpaduan dan persaudaraan, untuk membina jambatan yang membawa kita lebih dekat bersama-sama, untuk mengelakkan dinding pemisah ..." (*Bapa Suci Fransiskus, surat kepada uskup Amerika Syarikat, Februari 10, 2025*).

Sri Paus Fransiskus tidak pernah berhenti menegaskan keamanan sebagai penyelesaian utama untuk perperangan di seluruh dunia. Beliau lantang bersuara dan terus berseri untuk menamatkan perperangan antara Ukraine dan Rusia dan antara Israel dan Hamas, serta konflik serantau di Timur Tengah, Afrika dan Asia. Dia menuntut negara-negara dan institusi bersatu berhenti membekalkan senjata perang, yang mengekalkan perderitaan bencana mereka yang terjejas.

Pada masa artikel ini ditulis, Bapa Suci masih lagi berada di Hospital Gemelli namun beliau terus memberi inspirasi kepada kita untuk bersolidariti dengan yang miskin, lemah dan terabai.

Walaupun tidak sihat, Sri Paus Fransiskus membawa harapan dan belas kasihan kepada dunia. **LICAS News**

**MARI dan jadilah komuniti pemberita HERALD.**

**Kami amat mengalu-alukan sumbangan artikel, pendapat dan perkongsian anda.**

**Kami mengalu-alukan artikel dalam 400-500 patah perkataan, gambar high-resolution (300 DPI) dalam format JPG atau PNG serta berkapsyen.**

**Anda boleh menghantar artikel kepada liza@herald.com.my atau WhatsApp: 011-26391498**

UNTUK KELUARGA DALAM KRISIS

MARILAH KITA BERDOA AGAR KELUARGA YANG BERPECAH  
BELAH DAPAT MENEMUI PENAWAR UNTUK LUKA MEREKA  
MELALUI PENGAMPUNAN, MENCARI SEMULA KARUNIA  
MASING-MASING, WALAUPUN DALAM PERBEZAAN MEREKA.

Mac 9, 2025



## Keuskupan Agung KL anjur Adorasi online untuk Bapa Suci

KUALA LUMPUR: Selepas menerima perkhabaran tentang perkembangan kesihatan Sri Paus Fransiskus yang dimasukkan ke hospital akibat masalah pernafasan pada Februari 14 lalu, Keuskupan Agung Kuala Lumpur bergabung dengan para paderi, religius dan umat beriman mendoakan kesihatan Bapa suci.

Uskup Agung Julian Leow dalam surat pastoralnya bertarikh Februari 24, 2025, mengatakan, "Pada masa kritis ini, sebagai anggota Gereja Universal, kita bersatu dengan iman, mengangkat Bapa Suci kita dalam doa dan mempercayakannya kepada penjagaan Tuhan yang Maha Pengasih."

Prelatus itu menggalakkan semua paroki, komuniti religius dan keluarga untuk mendoakan Bapa Suci.

Keuskupan Agung Kuala Lumpur turut menganjurkan Adorasi dalam talian bagi mendoakan kesihatan Sri Paus Fransiskus pada Februari 27 lalu.

"Marilah kita terus mengingati

Sri Paus dalam Ekaristi Kudus, doa rosari dan semasa doa peribadi serta dalam doa komunal kita."

"Dalam doa-doa ini," kata Uskup Agung Julian, "saya mengajak umat beriman membuat permohonan khusus untuk Bapa Suci, memohon Tuhan memberinya kekuatan, penyembuhan dan damai."

## Pembukaan Kolej General 2025

TANJUNG BUNGAH, Pulau Pinang: Kolej General merayakan Misa Kudus sempena pembukaan semula seminari untuk tahun 2025 pada Februari 17 lalu di *Chapel of the Sacred Heart*.

Kolej General merupakan seminari utama serantau, terletak di Pulau Pinang di mana para seminar Malaysia dianjurkan untuk melakukan pengajian mereka dalam falsafah. Uskup Pulau Pinang, Kardinal Sebastian Francis, adalah Presiden Kolej General, bersama-sama dengan Uskup Agung Julian Leow

(Uskup Agung Kuala Lumpur) dan Uskup Bernard Paul (Uskup Keuskupan Melaka-Johore), yang juga adalah *Custodians of College General*.

Misa Kudus dipimpin oleh Kardinal Sebastian bersama paderi yang melayani di Kolej General dan beberapa orang paderi dari Keuskupan Pulau Pinang.

Kolej General menerima 22 orang seminar untuk tahun ini yang berasal dari pelbagai tempat di Malaysia.

Lima orang lagi seminar yang sedang melakukan latihan pastoral di Semenanjung Malaysia, turut kembali untuk meraikan perayaan ini

Dalam khutbahnya, Kardinal Sebastian merenung pembacaan pertama pada hari tersebut mengenai Kain dan Abel serta akibat keputusan yang baik dan buruk. "Keputusan yang baik membawa kepada hasil yang baik, keputusan yang buruk membawa kepada hasil yang tidak baik," katanya.

Selepas Misa, Kardinal Sebastian merasmikan pembukaan Banglo M.E.P. dan kediaman paderi yang terletak di sebelah Gereja.



diubahsuai baru-baru ini untuk menempatkan seminar Tahun Pertama bermula tahun ini.

Kardinal Sebastian merasmikan plak yang memperincikan sejarah banglo, seminar dan kaitannya dengan para paderi M.E.P. Kardinal, bersama-sama dengan rektor seminar, Fr Ryan Innas Muthu serta Pengarah Tahun Inisiasi, Fr Joachim Robert, kemudian berjalan di sekitar banglo untuk upacara pemberkatan.

Selepas upacara itu, semua hadirin merayakan majlis persaudaraan bersama.



## Amoris Laetitia fokus Perhimpunan Pastoral Lahad Datu

LAHD DATU: Ekshortasi Apostolik Sri Paus Fransiskus, Amoris Laetitia merupakan rujukan utama Perhimpunan Pastoral Paroki St Dominic, Lahad Datu, baru-baru ini.

Perhimpunan itu disertai 186 peserta yang dialu-alukan oleh paderi paroki St Dominic, Fr Stanley W. Matakim.

Sesi dimulakan dengan aktiviti "ice-breaking", diikuti dengan pembentangan Bab Satu hingga Tiga Amoris Laetitia. Program hari pertama diakhiri dengan doa penutup oleh Fr Stanley.

Pada kesokan hari, perhimpunan dimulakan dengan Misa Kudus dan selepas sarapan, para peserta mengikuti Perbualan Rohani pusingan pertama dalam kumpulan.

Pembentangan Bab Empat hingga Lima Amoris Laetitia pada sesi kedua dan pembentangan Bab Tujuh hingga Sembilan diadakan pada sebelah petang.

Perbualan Rohani yang diadakan



pada setiap kali pembentangan, memberi peluang kepada setiap peserta untuk menyuarakan pendapat dan langkah-langkah tindakan berdasarkan soalan yang diberikan.

Fr Stanley mengakhiri Perhimpunan Pastoral itu dengan doa penutup, diikuti minum petang dan sesi bergambar bersama. Majlis Pastoral Paroki, Encik



## Umat hayati kasih Tuhan dalam rekoleksi

KLANG: Sesi kaunseling semasa Retret Awal anjuran Gereja Our Lady of Lourdes mendapat sambutan hebat pada Februari 15-16 lalu.

Retret selama dua hari itu dikenalkan oleh empat orang Sister Putri Karmel dari Pulau Pinang. Pengalaman berharap retret itu dapat membuka hati dan mata para umat supaya mereka dapat membuat perubahan dalam hidup mereka dengan merasakan kasih Tuhan.

Pada hari pertama, para peserta mendengar sesi-sesi yang bertujuan, 'Cinta Kasih Tuhan dan Penyelamatan'; 'Hidup Baharu', dan 'Menerima Karunia dan Bahasa Roh'.

Pada hari kedua pula, antara sesi yang dibincangkan adalah 'Doa Yesus'. Seterusnya, para umat

yang menghadiri retret itu juga diberi peluang untuk membuat pengakuan dosa.

Sesi kaunseling dengan empat orang Sister Putri Karmel telah membuka mata dan membantu para peserta untuk melihat sesuatu masalah daripada perspektif yang positif.

Semasa sesi 'Pencurahan Roh Kudus dan Adorasi', para Sister mendoakan peserta dengan menggunakan Bahasa Roh.

Sesi ini merupakan kemuncak apabila peserta dapat melepaskan pelbagai emosi negatif dan merasakan sukacita setelah mengalami jamahan Roh Kudus.

Sebelum retret berakhir, para peserta diteguhkan dalam sesi 'Pertumbuhan'. Roslind Nagie Anak Enteba

Perbualan Rohani yang diadakan

Willie Binati, yang menyampaikan ucapan penghargaan kepada semua hadirin.

Fr Stanley mengakhiri Perhimpunan Pastoral itu dengan doa penutup, diikuti minum petang dan sesi bergambar bersama. Majlis Pastoral Paroki